



**PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU**  
**DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN JABATAN**

**Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif kepada seluruh warga kerja dan pihak-pihak lain sebagaimana Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Bagi menjayakan dasar tersebut, Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu komited untuk:**

**01**

Melantik Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggunjawab memastikan arahan keselamatan kerajaan dilaksanakan;

**02**

Memastikan segala aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip-prinsip keselamatan perlindungan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan segera bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat;

**03**

Memastikan perlindungan dan kawalan yang diberikan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah sebarang akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan pihak berkuasa terhadap sebarang kebocoran maklumat;

**04**

Menjamin dan mengutamakan konsep keselamatan dan perlindungan ke atas semua aset leT dan memastikan teknologi terkini digunakan untuk melindungi data bagi menghalang sebarang capaian oleh pihak luar;

**05**

Memastikan aspek keselamatan peribadi terjamin sepenuhnya supaya seluruh warga kerja dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi sebagaimana peruntukan dasar, pekeliling, prosedur undang-undang dan peraturan yang di tetapkan; dan

**06**

Memastikan kualiti pengurusan semua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan, mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan